



Oleh Fatin Hafizah Mohd Shahr
fatin@bh.com.my

JANGAN BIARKAN SIFAT RIAK MENGUASAI DIRI KERANA MATLAMAT PERKAHWINAN ADALAH UNTUK MENDAPAT KEBERKATAN DARIPADA ALLAH. KITA PERLU SEDAR DAN FAHAM, ASAS KERUKUNAN RUMAH TANGGA ITU DATANGNYA DARIPADA KEBERKATAN"

Suzardi Maulan,
Perunding Kewangan

Setiap bakal pengantin pasti mengharapkan majlis yang meriah, sempurna dan gah sehingga sesetengahnya terpaksa membuat pinjaman peribadi untuk memastikan semua berjalan lancar.

Jika 10 tahun dulu, jumlah wang hantaran antara RM5,000 hingga RM8,000, tetapi nilai dinyatakan itu kian meningkat sehingga mencecah RM20,000 atas faktor pendidikan atau kedudukan seseorang wanita itu.

Kiraan jumlah itu belum lagi termasuk kos majlis kenduri, barang sebagai dulang hantaran dan banyak lagi. Ternyata, untuk merealisasikan impian berkahwin bukanlah perkara mudah, di samping masalah peribadi lain yang muncul dalam perjalanan persediaan dibuat.

Perkiraan kasar kos bagi mengadakan majlis perkahwinan sekarang, memerlukan lebih kurang RM20,000, itu belum termasuk duit hantaran.

Seandainya, mengambil kira jumlah simpanan terkini di dalam akaun, berapa ramai yang mampu menyediakan puluhan ribu ringgit untuk majlis perkahwinan mereka.

Maka, buat pasangan bakal berkahwin terutama lelaki, perlu bersedia dari sudut kewangan sebelum mereka membuat keputusan menamatkan zaman solo.

Jangan penting status

Berhutang memberi bebanan kepada seseorang sehingga menyebabkan mereka tidak bahagia dan ramai hidup tersepit dengan hutang kerana terlalu mengikut nafsu.

Perunding Kewangan, Suzardi Maulan, berkata kesilapan masyarakat kita sekarang ialah mereka terlalu ingin menjaga status sehingga sanggup menyetepikan soal kemampuan yang dimiliki.

"Hari ini, ada yang sanggup berhutang puluhan ribu ringgit bagi memastikan majlis yang diadakan itu nampak eksklusif. Selepas selesai majlis, terpaksa mereka melunaskan kembali hutang dalam tempoh panjang.

Tanggung hutang selepas kahwin

» Jangan terlalu jaga status hingga sanggup ketepi soal kemampuan

"Majlis kenduri kahwin itu bukannya untuk kita menjalakan perniagaan. Jika ada kemampuan pun, seeloknya bersederhana dan usah membazir," katanya.

Hidupkan budaya baru

Suzardi berkata, perkara itu bukanlah satu perkara baru, jadi perkara ini boleh diatasi jika ada keinginan.

Katanya, bakal pengantin boleh buat dua pilihan sama ada meneruskan majlis perkahwinan mengikut amalan masyarakat hari ini, lazimnya keterlaluan atau membentuk budaya baru mengikut kemampuan.

"Sekiranya poket kita "dalam", maka tiada masalah untuk buat majlis mengikut kemahuan kita atau berbe-

lanja besar. Apa yang membimbangkan, jika kadar pelaburan untuk kos majlis melebihi kemampuan atau simpanan yang ada hingga membebankan berhutang.

"Lebih membimbangkan, perbelanjaan majlis perkahwinan terlalu tinggi juga meng-



- Statistik Program Pengurusan Kewangan (DMP)
- Profil Demografi Individu yang mendaftar Ke DMP

	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	Jumlah	%
Mengikut jantina									
Lelaki	1,868	6,355	11,621	10,047	10,357	9,949	6,337	61,269	65.4
Wanita	828	2,598	5,520	5,231	5,225	4,974	3,213	29,710	31.7
Tidak dinyatakan	224	890	47	3	-	-	-	2,670	2.9
Jumlah	4,944	9,043	17,188	15,281	15,582	14,923	9,550	93,6523	100.0

• MENGIKUT PENDAPATAN

	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	Jumlah	%
Kurang RM24,000	4,942	9,043	14,434	6,722	5,064	4,113	2,799	52,462	56.0
RM24,000 ke RM36,000	-	2	1,206	3,579	4,423	4,261	2,470	16,723	17.9
RM36,000 ke RM48,000	-	-	752	2,420	2,903	2,965	1,859	11,364	12.1
Lebih RM48,000	-	-	796	2,560	3,192	3,584	2,422	13,103	14.0
Jumlah	4,944	9,043	17,188	15,281	15,582	14,923	9,550	93,6523	100.0

WANG HANTARAN DI MALAYSIA

(Mengikut taraf pendidikan pasangan)

UPSR, PMR/SRP	RM1,000 - RM3,000
SPM	RM3,000 - RM8,000
STPM/Diploma	RM8,000 - RM12,000
Degree	RM12,000 - RM15,000
2nd Degree/Master	RM15,000 - RM20,000
PhD	RM20,000 - RM30,000

INFO

AKPK menyediakan perkhidmatan berikut secara percuma:

- Sehingga 31 Julai lalu, lebih daripada 229,334 pelanggan mendapatkan perkhidmatan kaunseling AKPK di mana 93,652 daripada mereka sudah dibantu melalui Program Pengurusan Kredit.
- Pelanggan menerima

perkhidmatan AKPK dalam kebanyakan kes menyumbang kepada masalah hutang dan ketidakupayaan membayar balik pinjaman disebabkan perancangan kewangan lemah, tidak mempunyai pengetahuan membuat perancangan kewangan dan tidak hidup mengikut kemampuan kerana tahap disiplin kewangan yang kurang.

Sebelum membuat pinjaman, perlu mempertimbangkan perkara berikut:

- Semasa membuat permohonan pinjaman, tanya kepada diri, apakah tujuan pinjaman dan tentukan sama ada mampu membuat bayaran ansuran bulanan.
- Jangan sesekali mem-

buat pinjaman daripada peminjam wang tidak berlesen.

- Waspada terhadap syarat pinjaman diambil.
- Biasakan diri bertanya tentang kadar faedah efektif dikenakan bagi pinjaman sewa beli dan kadar tetap pinjaman berjangka.
- Jumlah bayaran bulanan bagi semua pinjaman dan hutang kad kredit tidak

boleh melebihi satu pertiga daripada gaji kasar anda.

- Jangan terpedaya dengan penggunaan kad kredit dan kad caj sebagai wang 'percuma'.
- Membayar hanya bayaran minimum bil kad kredit menyebabkan hutang bertambah besar kerana kesan kompaun.
- Berusaha untuk menjadi pembayar balik pinjaman

yang baik agar mendapat laporan kredit positif.

Tanda-tanda anda menghadapi masalah kewangan:

- Jika anda tidak dapat mengawal perbelanjaan - iaitu perbelanjaan melebihi pendapatan.
- Jika hutang melebihi jumlah yang

boleh anda u

- Anda har
- Anda ti
- Anda ke
- Anda me



akibatkan ramai terpaksa bergolok gadai dan berhutang sekeliling pinggang," jelasnya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Jadi 'hamba' bank

Tambah Suzardi, apabila kos perkahwinan hari ini mencecah RM50,000 majoriti bakal pengantin terpaksa berhutang dengan bank selama 10 hingga 15 tahun.

Katanya, dengan kadar pembiayaan peribadi sekitar lima peratus setahun, setiap hutang RM50,000 menyebabkan ramai penghutang kehilangan aliran tunai sebanyak RM600 sebulan selama 120 bulan, seterusnya membayar balik kepada bank sehingga RM 72,000.

"Memang tidak dapat dinafikan, perkahwinan dan membuat kenduri adalah sunnah, namun Nabi SAW tidaklah mengajar kita untuk membuat sesuatu di luar kemampuan sehingga membebaskan kita.

"Baginda SAW menyarankan, kenduri kahwin ini dibuat walaupun hanya sekadar sekor kambing. Jadi, sebelum berbelanja atau membuat pinjaman fikirkanlah perkara penting dan jangka masa hadapan," jelasnya.

Sekufu antara pasangan

Katanya, selain beberapa faktor menjadi keutamaan, struktur kewangan juga menjadi punca kepada banyak kes perceraian.

Justeru, Suzardi menasihatkan, jejaka yang ingin melamar pasangan perlulah me-

nilai beberapa perkara dan kata sepakat antara wanita serta keluarga amat penting sebelum menetapkan majlis.

"Pasangan perlu sepakat berbincang antara satu sama lain, termasuk keluarga sebelum memutuskan jumlah perbelanjaan diperlukan untuk majlis. Jika wanita atau keluarganya terlalu meminta, sebagai lelaki anda perlu berwaspada.

"Ini bagi mengelak anda mengalami bebanan hutang selepas berkahwin hingga muncul sikap mengungkit dan akhirnya membawa kepada perpisahan yang tidak diduga.

Tujuh tahun pertama

Suzardi berkata pasangan perlu bijak mengatur perancangan masa hadapan apatah lagi menyusun strategi kewangan dengan bijak mereka dapat hidup selesa kelak.

"Tujuh tahun pertama perkahwinan perlukan banyak pengorbanan jika anda ingin selesa di kemudian hari. Sebagai contoh, sebagai isteri anda mungkin bertahan duduk di rumah sewa kos rendah dan juga kereta yang biasa untuk dapatkan simpanan.

"Andainya, jumlah isi rumah adalah RM5,000 dan anda berdua berjaya menyimpan sekurang-kurangnya 10 peratus hingga 50 peratus dari gaji setiap bulan ke akaun Tabung Haji atau Amanah Simpanan Nasional Berhad, dalam tempoh tujuh tahun akaun pasangan mencecah lebih RM60,000," jelasnya lagi.

ruskan.
ya mampu
peratus setiap
nyata kad kredit.
fa tabungan
adapi kecemasan
keluarga.
ap terima
aripada
atang.
nerima surat
tan hutang.



Ubah budaya kahwin di Malaysia

- Ⓢ Apabila anak muda yang mahu berkahwin dapat mengelakkan dari membuat pembiayaan peribadi sebesar RM 50,000 mereka bakal mempunyai aliran tunai sehingga RM600 sebulan.
- Ⓢ Jika mereka mampu bayar kepada bank RM600 sebulan, sebenarnya mereka juga mampu menyimpan sebanyak itu setiap bulan.
- Ⓢ Justeru, dengan aliran tunai sebanyak itu bakal pengantin mempunyai 2 pilihan mudah.

Menyimpan RM 600 sebulan selama tujuh tahun Hasilnya dianggarkan seperti berikut:

- Ⓢ Tabung Haji (5%): RM 61,553.58
- Ⓢ ASB (8%): RM 69,383.72

Memulakan pelaburan hartanah setiap sendiri Suami beli satu. Isteri beli satu. (Sila pastikan pembelian anda fahami konsep pelaburan hartanah)

- Ⓢ Selepas tujuh tahun berkahwin, rumah itu dapat terus disewakan atau dijual dengan keuntungan.
- Ⓢ Seterusnya mereka dapat bergabung membeli rumah lebih besar dan lebih sesuai untuk membentuk 'Rumahku Syurgaku'



Meminjam secara bijak

Berkahwin membawa maksud berkongsi tanggungjawab kewangan. Dengan rasa cinta di dada, mungkin segala-galanya diterima.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Mohamad Khalil Jamaludin, berkata tidak salah jika langkah berjaga-jaga diambil untuk masa depan bersama dan kawalan bebas beban kewangan.

Jelasnya, hutang berperanan penting dalam kehidupan kita. Kebanyakan daripada kita tidak mampu membeli semua keperluan yang dikehendaki secara tunai.

"Oleh itu, kita tiada pilihan, terpaksa berhutang untuk membolehkan kita membeli aset seperti rumah dan kereta. Lainlah, kalau kita memang daripada keluarga kaya raya yang mempunyai wang menimbun dalam bank untuk membolehkan kita mampu membeli rumah dan kereta secara tunai.

"Bagaimanapun, kalau digunakan secara bijak, hutang juga boleh jadi alat berguna untuk membantu mencapai matlamat kewangan kita," jelasnya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Bantu capai keinginan

Katanya hutang bukan semestinya perkara tidak baik kerana ia juga membolehkan kita memiliki apa yang diinginkan dengan cepat dan selesa.

Cuma kata Mohamed Khalil, kalau pasangan pengantin mengambil hutang dengan cara berlebihan, itu yang mungkin menyebabkan mereka bakal menghadapi masa-

lah untuk membayarnya. Ini seterusnya mendatangkan masalah kewangan kepada keluarga mereka.

Punca pertelingkahan

Semakin cekap kita menguruskan hutang, semakin baik hubungan kita dengan ahli keluarga. Sering kali pertelingkahan atau salah faham yang berlaku antara ahli keluarga adalah berpunca daripada masalah kewangan.

Pengurusan hutang yang baik akan mengeratkan hubungan kita dengan keluarga, kawan dan rakan sekerja. Ini pasti memupuk suasana lebih harmonis di rumah dan di tempat kerja.

"Memiliki aliran tunai positif penting supaya kita mempunyai dana berlebihan membantu membina tabung kecemasan, mengurangkan hutang dan juga boleh memanfaatkan peluang pelaburan baik," jelasnya.



Gabung gaji urus belanja rumah

Bagi pengantin pada hujung tahun ini, Mazlan (bukan nama sebenar), 27 tahun, dia mengakui terpaksa membuat pinjaman untuk melunaskan permintaan pihak keluarga pasangannya untuk majlis perkahwinan mereka.

Meletakkan hantaran berjumlah RM10,000, pekerja agensi kerajaan ini, berkata ia jumlah yang besar kerana komitmen dirinya terhadap kedua-dua orang tua, kenderaan dan rumah sewa.

"Saya terpaksa buat pinjaman peribadi untuk memenuhi permintaan keluarga pasangan. Khawatir dengan komitmen dan kemampuan diri untuk mengumpul wang dalam tempoh masa terdekat, saya fikir ia adalah jalan mudah untuk meneruskan hasrat menyunting wanita pilihan sebagai suri hati.

"Biarpun saya memiliki sedikit simpanan, tetapi ia tidak cukup untuk majlis di kedua belah pihak dan ia tidak termasuk lagi dengan kos tambahan lain-lain," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Tekad untuk bayar

Katanya, sesudah berbincang dengan pasangan juga bekerja sebungging, Mazlan berkata mereka berdua sepakat untuk gabungkan gaji dan bahagi belanja keperluan rumah selepas bergelar suami isteri.

"Pinjaman yang dibuat sebanyak RM20,000 mengambil masa selama dua tahun untuk dilangsaikan dengan bayaran lebih RM800 sebulan. Ia bukan jumlah sedikit untuk kami berdua. Jadi, kami sudah bersepakat mengurangkan perbelanjaan kasar dan komited untuk membayar hutang sebelum merancang jauh," katanya.

Inginkan kesempurnaan

Pasangannya, Ayu, 25, berkata dia lebih ingin kesejahteraan berbanding hutang keliling pinggang menghantui kehidupan selepas berkahwin.

"Tidak guna juga jika selepas berkahwin masing-masing bermasam muka. Memang amalan berhutang kurang sihat namun bagi yang kurang berkemampuan untuk menyediakan wang dalam waktu singkat, ia sebagai jalan pintas," katanya.